

MAHATHIR-CEKAP R'U'U'

OLEH NOR IDZAN ISMAIL
1982

KOTA KINABALU, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU RAKYAT MENGAMALKAN SIKAP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH BAGI MENJADIKAN NEGARA INI MAJU DAN BERJAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PENTADBIRAN KERAJAAN DI BAWAH PIMPINANNYA BUKAN MENGHENDAKI PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA YANG MENGAMALKAN SIKAP-SIKAP TERSEBUT TETAPI SEMUA RAKYAT DARI SETIAP LAPISAN HIDUP.

+INILAH HARAPAN KITA SEMUA DAN KITA HARUS SERIUS DAN BERTANGGUNG -JAWAB DALAM USAHA UNTUK MENCAPAI SLOGAN -- BERSIH, CEKAP DAN AMANAH YANG DITENTUKAN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PROJEK PERUMAHAN +TAMAN BERSATU+ DI PUTATAN, 12 KILOMETER DARI SINI HARI INI.

TAMAN PERUMAHAN BERHARGA \$9.1 JUTA ITU ADALAH USAHASAMA UMNO DAN BERJAYA UNTUK PENDUDUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA SEMUA RAKYAT MENGAMALKAN TIGA SIKAP PENTING ITU EKONOMI NEGARA AKAN DAPAT DIPERTINGKAT DENGAN LEBIH PESAT LAGI.

+TUJUAN SLOGAN BARU ITU BUKAN UNTUK DIGUNAKAN BEGITU SAHAJA TANPA MAKNA TETAPI SLOGAN ITU PERLU DIPENUHI DENGAN AMALAN YANG SEPENUHNYA,+ TAMBAH BELIAU. - BERSAMBUNG 1350/SZ

B562

MAHATHIR-CEKAP 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MAHU SEMUA RAKYAT +MEMBERSIHKAN KEADAAN SEKELILING MEREKA+ JIKA MEREKA MENGHENDAKI NEGARA BEBAS DARI RASUAH DAN SEGALA KEKOTORAN.

KATANYA, RUMAH, TUBUH BADAN, PAKAIAN DAN KAWASAN SEKITAR MEREKA JUGA MESTI BERSIH.

BELIAU MENJELASKAN TAKRIF KEBERSIHAN JUGA MERANGKUMI MENJAGA KEBERSIHAN BANDAR-BANDAR DAN KAMPUNG-KAMPUNG TANPA MENGHARAPKAN PIHAK BERKUASA.

MENGENAI KECEKAPAN PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA PENTING BAGI MENINGKATKAN MUTU PEKERJAAN KERANA JIKA SESEORANG ITU RAJIN DAN SANGGUP MEMBUAT KERJA SEPANJANG MASA IA SUDAH TENTU AKAN MEMPEROLEHI KECEKAPAN.

BELIAU LALU MENYERU RAKYAT SABAH KHASNYA SUPAYA BERUSAHA MENINGGI-KAN KECEKAPAN YANG DIKEHENDAKI DALAM DUNIA MODEN INI TERUTAMA MEMBINA RUMAH.

KATANYA, TERLALU SEDIKIT RAKYAT SABAH YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PEMBINAAN RUMAH DAN BELIAU BIMBANG JIKA IA DIBIARKAN BERTERUSAN, NEGERI INI TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG-ORANG YANG MENDATANG. -- BERSAMBUNG 1355/SZ

B563

MAHATHIR-CEKAP 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI PERLUNYA SEMUA RAKYAT MENGAMALKAN SIKAP AMANAH BAGI MEMPASTIKAN SEMUA RANCANGAN TERCAPAI DENGAN LEBIH BERKESAN.

+JIKA KITA DIMINTA BERTUGAS, TETAPI KADANG-KADANG DATANG DAN KADANG-KADANG TIDAK, INI SUDAH TENTU IA TIDAK BERPEGANG KEPADA JANJI DAN TIMAH AMANAH.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN AMANAH PENTING DAN SETIAP RAKYAT MESTI MENGAMALKAN SIKAP +APA YANG DIJANJIKAN MESTI DI-TUNAIKAN.+

MENGENAI PEMBANGUNAN DI SABAH, BELIAU MENYATAKAN KEKAGUMANNYA KE ATAS PERKEMBANGAN PESAT YANG BERLAKU TERUTAMA KERAJAAN NEGERI YANG BERJAYA MENGAGIHKAN HASIL PENDAPATAN NEGERI ITU UNTUK KESENYANGAN SEMUA PENDUDUK.

BELIAU MENJELASKAN TAMAN PERUMAHAN YANG DIRASMIKAN HARI INI ADALAH SATU BUKTI YANG MENUNJUKKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN SEMUA KETURUNAN KAUM TINGGAL DI KAWASAN YANG SAMA.

BELIAU KEMUDIAN MENYAMPAIKAN KUNCI KEPADA PENGHUNI KAWASAN PERUMAHAN ITU. HARGA SEBUAH UNIT RUMAH IALAH ANTARA \$36,000 HINGGA \$38,000. -- BERSAMBUNG 1358/SZ

MAHATHIR-CEKAP 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, DATUK HARRIS SALLEH MEMBERI JAMINAN PIHAKNYA AKAN MEMPERTAHAKAN KESTABILAN POLITIK DI NEGERI ITU SUNGGUHKAN KINI TERDAPAT KEADAAN POLITIK YANG UNIK.

BELIAU MENGGESA KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP KALANGAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG MENYEBARKAN KHABAR ANGIN UNTUK MEMUTARBELITKAN FIKIRAN RAKYAT YANG TIDAK MENDAPAT PENERANGAN SEBENARNYA.

KATANYA TINDAKAN TEGAS PERLU DIAMBIL TANPA MEMILIH BULU UNTUK MEMBENDUNG KEGIATAN SEUMPAMA ITU BAGI MEMPASTIKAN KESTABILAN POLITIK DI SABAH TIDAK TERGUGAT. -- BERNAMA 1400/SZ